

TINGKAH LAKU, EMOSI DAN KOGNITIF MURID SEBAGAI FAKTOR PERAMAL PENCAPAIAN AKADEMIK

Nor Yuzie Yusuf, Rosini Abu, Aida Suraya Md Yunus

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
Serdang, Selangor

Emel: yuzie_nor@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tiga dimensi penglibatan iaitu tingkah laku, emosi dan kognitif yang boleh menjadi peramal terbaik bagi pencapaian murid dalam bidang catering. Disamping itu kajian juga bertujuan mengkaji hubungan antara penglibatan dengan pencapaian. Penglibatan dikaitkan dengan aktiviti murid di bilik darjah atau semasa amali merangkumi tingkah laku, emosi dan kognitif. Kajian berbentuk deskriptif kuantitatif ini melibatkan 119 orang murid catering di tujuh buah sekolah menengah akademik harian di negeri Melaka yang dipilih menggunakan teknik persampelan berkelompok. Kajian menggunakan satu instrumen iaitu penglibatan murid untuk mengukur penglibatan murid di dalam bilik darjah atau semasa amali. Nilai kebolehppercayaan yang dilaporkan bagi penglibatan murid ialah .941. Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan dan sederhana antara penglibatan dengan pencapaian murid dalam bidang catering. Manakala dapatan kajian mendapati terdapat hubungan signifikan dan sederhana antara penglibatan emosi dan kognitif dengan pencapaian murid. Juga terdapat hubungan signifikan dan rendah antara penglibatan tingkah laku dengan pencapaian murid. Dapatan kajian juga mendapati dimensi penglibatan kognitif merupakan peramal utama kepada pencapaian murid berbanding dengan tingkah laku dan emosi.

KATA KUNCI: *penglibatan, murid, pencapaian, catering*

ABSTRACT

This study aims to identify the three dimensions of engagement (behavioral, emotional and cognitive) that best predict of student achievement in catering. It also aims to examine the relationship between engagement and achievement. Whereas, the dimensions in the engagement variable include behavioral, emotional and cognitive. This quantitative descriptive study recruited 119 catering students selected from seven academic secondary daily schools in Melaka. The participants were selected through a cluster sampling technique. The instrument of students' engagement was used to

assess students' engagement in the classroom or during practice. The alpha reliability coefficient for students' engagement was reported at .941. Overall the finding showed that, there is a significant and moderate relationship between students' engagement and achievement in catering. There is also a significant and moderate relationship between emotional and cognitive engagement and students' achievement. Also there was a significant and low relationship between behavior engagement and students' achievement. The study also found that the cognitive engagement is the best predict of student achievement compared to behavioral and emotion engagement.

KEYWORDS: *engagement, student, achievement, catering*

1.0 PENDAHULUAN

Penglibatan aktif dalam kelas atau makmal merupakan faktor yang memainkan peranan penting dalam pencapaian akademik murid (Stewart, 2007). Oleh sebab itu, penglibatan murid di dalam bilik darjah amat penting. Guru juga berperanan menggalakkan penglibatan murid serta dapat menyumbang hasil yang positif di dalam proses pembelajaran (Newcomb, McCracken & Warmbrod, 2004). Menurut Astin (1999), penglibatan merupakan jumlah tenaga fizikal dan psikologi yang diberikan oleh murid bagi mendapatkan pengalaman akademik. Ini bermakna murid yang melibatkan diri dengan aktiviti semasa di dalam bilik darjah atau semasa amali akan memperoleh pengalaman belajar yang lebih daripada mereka yang tidak melibatkan diri. Oleh sebab itu penglibatan murid semasa di dalam bilik darjah atau amali sangat penting seperti mengikut dan mematuhi peraturan kelas, terlibat dalam pembelajaran dan tugas akademik seperti usaha, ketekunan, perhatian, interaksi dengan guru, perasaan dan reaksi positif dan negatif murid terhadap guru, rakan, sekolah dan dalam bidang katering, usaha, motivasi dan strategi untuk menguasai bidang katering.

Teori Fredricks, Blumenfeld dan Paris (2004) menganggap penglibatan adalah tingkah laku yang mudah dilakukan atau dibentuk, mempunyai ciri-ciri kontekstual dan mengikut perubahan persekitaran. Teori Fredricks *et.al.* (2004) yang menjelaskan dapatan bahawa penglibatan murid mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan pencapaian. Beliau memfokuskan penglibatan berdasarkan tiga dimensi iaitu, tingkah laku, emosi dan kognitif. Mengikut Fredricks *et.al.* (2004), penglibatan tingkah laku paling biasa ditakrifkan dalam tiga cara iaitu (i) melibatkan tingkah laku yang positif seperti mengikut peraturan dan mematuhi norma-norma bilik darjah, tidak menunjukkan tingkah laku yang boleh mengganggu seperti ponteng sekolah dan

menimbulkan kesusahan (Finn & Rock, 1997), (ii) penglibatan tingkah laku dalam pembelajaran dan tugas-tugas akademik seperti usaha, ketekunan, tumpuan, perhatian, bertanya soalan dan menyumbang kepada perbincangan kelas (Birch & Ladd, 1997), dan (iii) terlibat dalam aktiviti kurikulum di sekolah (Finn, PannoZZo & Voelkl 1995). Manakala penglibatan emosi merangkumi reaksi positif dan negatif murid terhadap guru, rakan sekelas, pembelajaran, dan sekolah. Penglibatan juga dilihat berdasarkan penglibatan kognitif, iaitu pelaburan psikologi dalam pembelajaran yang mana sama seperti motivasi instrinsik.

Namun, dalam kajian ini dimensi penglibatan tingkah laku merujuk tingkah laku dan aktiviti murid yang melibatkan aktiviti akademik di dalam bilik darjah atau semasa amali seperti menjalankan amali dan tidak mengganggu rakan-rakan; mendengar, memberi perhatian dan mencatat penerangan guru; membuat, menyiapkan, membenteng dan menghantar tugasaan atau kerja rumah; dan bertanya dan menjawab soalan yang disoal guru. Dimensi penglibatan emosi pula seperti mempunyai guru yang baik hati, senang didekati dan yakin guru boleh mengajar dengan baik; mempunyai makmal katering yang cantik, menjaga kebersihan sekolah; suka, senang belajar dan mendapat keputusan yang baik dalam bidang katering. Manakala dimensi penglibatan kognitif seperti murid dapat mengaitkan apa yang dipelajari, menonjolkan daya kreativiti, mendapat keputusan yang baik, menguasai kemahiran, menyiapkan tugasan, bekerjasama dan bertanggungjawab mengenai topik atau modul yang diajar.

Oleh itu penglibatan oleh teori Fredricks *et.al.* (2004) lebih sesuai digunakan kerana ia merangkumi semua penglibatan yang diperlukan oleh murid semasa di dalam kelas pengajaran dan pembelajaran atau semasa amali untuk kajian ini. Teori ini memberi gambaran yang jelas tentang pembentukan penglibatan murid khususnya dalam tingkah laku, emosi dan kognitif. Disebabkan pemboleh ubah penglibatan dikaitkan dengan pencapaian, maka kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tiga dimensi penglibatan iaitu tingkah laku, emosi dan kognitif yang boleh menjadi peramal terbaik bagi pencapaian akademik murid dalam bidang katering. Disamping itu kajian ini juga bertujuan mengkaji hubungan antara penglibatan dengan pencapaian murid dalam bidang katering.

1.1 Pernyataan Masalah

Kajian lepas menunjukkan bahawa pemboleh ubah penglibatan mempengaruhi pencapaian murid. Dimensi penglibatan murid

terdiri daripada tingkah laku, emosi dan kognitif. Menurut Mo (2008), penglibatan murid dikatakan turut menyumbang kepada pencapaian murid dan saling berkait rapat (Fredricks *et.al.* 2004). Menurut Sbrocco (2009), Fallon (2010), Wang dan Halcombe (2010) terdapat hubungan antara penglibatan dengan pencapaian murid. Namun, berbeza dengan Screiber dan Chambers (2002) yang mendapati bahawa penglibatan murid di sekolah tidak mempunyai hubungan dengan gred purata keseluruhan murid.

Dalam menentukan pencapaian dalam sesuatu mata pelajaran, antara faktor yang telah dikenal pasti adalah penglibatan murid semasa aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah atau amali (Mo, 2008). Murid biasanya akan memperoleh keputusan yang cemerlang sekiranya mereka melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Finn & Voelkl, 1993). Ini disokong oleh Fredricks *et.al.* (2004) yang mendapati pemboleh ubah penglibatan dan pencapaian saling berkait antara satu sama lain. Namun analisis peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi keseluruhan calon Kementerian Pelajaran Malaysia yang mengambil bidang katering di negeri Melaka menunjukkan murid yang lulus dengan cemerlang (A+, A dan A-) pada tahun 2009 adalah sebanyak 12.1% dan diikuti 10.2% pada tahun 2010. Peratus pencapaian murid dalam kategori lulus dengan cemerlang adalah sedikit berbanding dengan jumlah bilangan calon yang menduduki peperiksaan SPM, iaitu seramai 182 orang pada tahun 2009 dan 185 orang pada tahun 2010 sedangkan sebahagian daripada mereka mempunyai latar belakang dalam bidang masakan semasa PMR.

Namun dalam kajian ini, didapati pencapaian dalam bidang katering masih belum mencapai tahap yang membanggakan, walaupun murid mempelajari bidang ini selama 480 minit seminggu. Sepatutnya mereka mempunyai penglibatan yang baik kerana waktu pembelajaran yang agak lama. Penglibatan murid di dalam bilik darjah atau semasa amali penting kerana sebahagian besar daripada penilaian untuk peperiksaan SPM adalah berdasarkan kerja-kerja amali. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti tiga dimensi penglibatan iaitu tingkah laku, emosi dan kognitif yang boleh menjadi peramal terbaik bagi pencapaian akademik murid dalam bidang katering. Disamping itu kajian ini juga bertujuan mengkaji hubungan antara penglibatan dengan pencapaian murid dalam bidang katering. Diharapkan kajian ini dapat mengenal pasti permasalahan sebenar dan mengatasinya agar matlamat asal mata pelajaran ini ditawarkan tercapai.

1.2 Objektif Kajian

Secara umum kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tiga dimensi penglibatan iaitu tingkah laku, emosi dan kognitif yang boleh menjadi peramal terbaik bagi pencapaian murid dalam bidang katering dan seterusnya mengkaji hubungan antara penglibatan dengan pencapaian murid dalam bidang katering. Manakala, objektif khusus adalah seperti berikut:

1. Mengetahui tahap penglibatan (tingkah laku, emosi dan kognitif) murid dalam bidang katering.
2. Mengetahui pencapaian murid dalam bidang katering.
3. Menkaji hubungan antara penglibatan (tingkah laku, emosi dan kognitif) dengan pencapaian murid dalam bidang katering.
4. Melihat faktor peramal kepada pencapaian iaitu tingkah laku, emosi dan kognitif..

2.0 SOROTAN KAJIAN

2.1 Konsep Penglibatan

Terdapat perbezaan pendapat mengenai pemboleh ubah penglibatan murid dalam pembelajaran. Mo (2008) menyatakan penglibatan adalah konstruk multidimensi yang mempunyai pelbagai definisi. Ia boleh dikategorikan kepada penglibatan akademik dan penglibatan sosial. Fredricks *et.al.* (2004) membahagikan pemboleh ubah penglibatan kepada tiga dimensi iaitu keterlibatan tingkah laku, emosi dan kognitif. Menurut Chapman (2003) penglibatan murid digunakan untuk menerangkan kesanggupan murid melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti di sekolah, menghantar tugas dan mengikut arahan semasa berada di sekolah ataupun di dalam bilik darjah. Pemahaman asas tentang penglibatan murid adalah seperti aktiviti murid, penglibatan dan usaha dalam tugas-tugas pembelajaran mereka yang berkaitan dengan pencapaian akademik (Hu, Ching, & Chao, 2012). Penyelidik merasakan pendapat Chapman (2003) dan Hu *et.al.* (2012) memberi maksud yang sama dalam keterlibatan walaupun pembahagian komponen penglibatan adalah berbeza.

Anderson, Christenson, Sinclair dan Lehr (2004) membahagikan pemboleh ubah penglibatan kepada empat bahagian, iaitu psikologikal, tingkah laku, kognitif dan akademik. Manakala Parsons dan Taylor (2011) pula menyenaraikan pemboleh ubah penglibatan dengan lebih meluas, iaitu penglibatan akademik, kognitif, intelektual, emosional,

tingkah laku, sosial, psikologi dan sebagainya. Walaupun terdapat perbezaan pendapat dalam setiap pemboleh ubah penglibatan namun, penyelidik berpendapat pemboleh ubah penglibatan yang dinyatakan oleh Fredricks *et.al.* (2004) iaitu penglibatan tingkah laku, emosi dan kognitif sesuai digunakan dalam kajian ini kerana ketiga-tiga dimensi ini sesuai untuk murid.

Menurut Fredricks *et.al.* (2004) pula menyatakan penglibatan tingkah laku melibatkan murid ketika melakukan tugas yang diberikan dan mengikut peraturan yang ditetapkan, penglibatan emosi seperti sikap yang menguji perasaan terhadap sekolah, guru, mata pelajaran atau kerja sekolah, dan penglibatan kognitif pula pada asasnya didefinisikan sebagai motivasi, usaha dan strategi. Reka bentuk penyelidikan deskriptif yang berasaskan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Data dikumpulkan menggunakan satu set soal selidik yang mempunyai tiga bahagian iaitu tingkah laku, emosi dan kognitif.

Penglibatan merupakan peramal yang kuat dalam pencapaian akademik (Dehyadegary, 2012) dan mempunyai hubungan dengan pencapaian pelajar (Sbrocco, 2009). Mengikut Fredricks *et.al.* (2004) kajian penglibatan penting kerana ia memainkan peranan terhadap pelbagai persekitaran. Persekitaran ini seperti faktor guru, sekolah dan penghapusan perkauman memberi kesan yang positif terhadap pencapaian akademik pelajar (Marks, 2000 & Ogbu, 2003). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penglibatan murid dan pencapaian saling berkaitan antara satu sama lain.

2.2 Kajian Lepas berkaitan Penglibatan dengan Pencapaian

Kajian oleh Sbrocco (2009), penglibatan tingkah laku didefinisikan sebagai penglibatan aktif dalam akademik dan juga bukan akademik, dan ia mempengaruhi pencapaian murid. Manakala, menurut Hughes, Luo, Kwok dan Loyd (2008) penglibatan tingkah laku ialah penglibatan akademik dan sosial atau aktiviti tambahan. Terdapat tiga tahap dalam penglibatan tingkah laku iaitu; i) tingkah laku yang berkaitan dengan pembelajaran seperti ketekunan usaha, tumpuan, perhatian, bertanya soalan dan sumbangan dalam perbincangan kelas; ii) mematuhi peraturan sekolah; iii) keterlibatan dalam aktiviti kurikulum.

Menurut Furlong, Whiple, Sean, Simental, Soliz dan Punthuna (2003) pula penglibatan tingkah laku bermaksud penglibatan atau penyertaan pelajar di sekolah atau aktiviti sosial, membuat kerja dan mengikut peraturan sekolah (National Center for School Engagement, 2006). Menurut Sbrocco (2009) terdapat kesukaran dalam mengkaji

penglibatan tingkah laku seperti untuk membezakan ketekunan, ketabahan dan penglibatan. Kesukaran ini disebabkan oleh murid mematuhi semua peraturan tetapi tidak memenuhi keperluan di dalam akademik sebaliknya, murid yang menimbulkan gangguan tetapi mempunyai semangat dan menyiapkan kerja (Fredricks *et.al.*, 2004).

Menurut Stipek (2002) penglibatan emosi sebagai hubungan emosi antara guru dan sekolah. Murid juga dikatakan mempunyai penglibatan emosi apabila menunjukkan sifat kekitaan sesama murid, mempunyai rasa kecekan dan mempunyai motivasi terhadap konsep persekolahan (Willms, 2003). Ia juga termasuk reaksi yang positif dan negatif terhadap orang seperti rakan sebaya, guru, pentadbir dan sekolah sendiri, faktor inilah menyumbang kepada penglibatan murid (Hughes *et.al.* 2008; Fredricks *et.al.*, 2004). Dalam kata lain, perasaan pelajar semasa berada di sekolah dan perasaan pelajar terhadap orang di sekelilingnya (Yazzie-Mintz, 2007).

Penglibatan kognitif biasanya didefinisikan sebagai usaha, strategi dan motivasi (Fredricks *et.al.*, 2004). Ada juga yang menyatakan penglibatan kognitif ini ialah keinginan di sebalik keperluan minima sekolah dan cabaran (Kuh, 2009). Penglibatan kognitif juga boleh dilihat sebagai tingkah laku bermotivasi seperti strategi kognitif murid memilih untuk belajar dan kesanggupan untuk terus belajar walaupun sukar dengan mengawal tingkah laku pembelajaran mereka sendiri (Chapman, 2003). Penglibatan kognitif berhubung dengan penglibatan murid dalam pembelajaran dan cara murid memotivasikan diri mereka. Ini juga signifikan dengan pencapaian akademik murid seperti mendapat gred yang baik dan keupayaan menyiapkan tugas seperti yang ditetapkan. Ketiga-tiga dimensi ini membantu murid memahami secara menyeluruh tentang hubungan murid terhadap sekolah mereka (Sciarra & Seirup, 2008).

Selain itu, kejayaan murid biasanya akan diukur menerusi pencapaian akademik (Yip, 2007). Pemboleh ubah penglibatan pula telah dikenal pasti menjadi peramal bagi pencapaian akademik (Willms, 2003). Ramai penyelidik telah mengenal pasti hubungan antara penglibatan murid dengan pencapaian. Antaranya seperti Fredricks *et.al.* (2004). Fredricks *et.al.* (2004) berpendapat bahawa dimensi penglibatan tingkah laku, emosi dan kognitif merupakan dimensi penting dalam penglibatan murid. Penglibatan murid merupakan petunjuk penting dalam menentukan pencapaian akademik dan aspek penting bagi mengelak daripada berlakunya keciciran di kalangan murid (Kindermann, 2007). Fredricks *et.al.* (2004) berpendapat bahawa penglibatan murid dan pencapaian akademik adalah sangat berkait

rapat. Sebagai contoh, Harris (2008) melaporkan di seluruh dunia, pendidik sangat menitikberatkan keciciran murid dari sekolah dan semasa pembelajaran.

Kajian *Evaluation of the Incubators in the Classroom Program: Does it Increase Fourth Grade students' Knowledge of Agriculture Related Science Concepts?* dijalankan oleh Meunier, Talbert dan Latour (2002). Kajian ini melibatkan 736 orang murid daripada gred empat dan 39 orang guru juga daripada gred empat yang melibatkan 14 buah sekolah di Indiana. Kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu kualitatif dan kuantitatif. Sampel kajian dibahagikan kepada dua kajian iaitu kuasi-eksperimen dan juga kumpulan kawalan. Data kuantitatif dilakukan menggunakan soal selidik. Hasil kajian mendapati penglibatan murid inkubator pertanian dalam bilik darjah menunjukkan kesan yang signifikan iaitu meningkatkan pengetahuan mereka dalam konsep sains yang berkaitan dengan pertanian. Oleh itu, guru pertanian berperanan untuk mendorong murid melibatkan diri secara aktif dalam kerja amali pertanian supaya dapat merangsang pengetahuan murid dalam konsep sains yang berkaitan dengan pertanian.

Kajian oleh Diamond (2007) pula untuk menilai proses penglibatan murid dalam pembelajaran apabila mereka dipindahkan dari sekolah akademik ke sekolah vokasional. Selain itu, kajian ini juga untuk mengenal pasti hubungan antara proses penglibatan dan penempatan mereka di sekolah vokasional dari segi kelemahan atau masalah pembelajaran atau pelajar berisiko. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif iaitu menggunakan soal selidik dan temubual. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah 17 orang murid dan 12 orang guru vokasional. Hasil analisis mendapati terdapat hubungan antara penglibatan murid pendidikan vokasional dengan pencapaian akademik.

Kajian oleh Burris, Bednarz dan Frazee (2008) dalam *Investigating student achievement in mathematics: The effect of an integrated agriculture and mathematics curriculum* menggunakan kumpulan kawalan pra ujian dan pasca ujian. Populasi bagi kajian ini adalah murid yang mempunyai gred sembilan dan berisiko dalam matematik yang telah ditetapkan pada tahun 2005-2006. Sampel kajian terdiri daripada murid yang berisiko dalam matematik di sepuluh buah sekolah yang mana lima buah sekolah tradisional dan lima buah sekolah menggunakan konsep yang baru dibangunkan terhadap pengajaran algebra dalam konteks pertanian. Dapatan kajian mendapati aplikasi integrasi pertanian dengan mata pelajaran matematik menunjukkan bahawa integrasi kurikulum memberi peluang kepada murid untuk

memahami konsep utama melalui aplikasi dalam pelbagai situasi sebenar. Murid yang menggunakan aplikasi integrasi pertanian dan matematik menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi berbanding dengan murid yang tidak menggunakan aplikasi ini. Di samping itu, aplikasi sains pertanian dalam konsep matematik menunjukkan kesan positif terhadap pencapaian matematik.

Sbrocco (2009) pula mengkaji hubungan antara penglibatan dan pencapaian akademik murid di tiga buah sekolah kerajaan di Bloomfield. Kajian ini melibatkan 779 orang murid, namun soal selidik yang lengkap diisi oleh responden sebanyak 659. Jumlah ini menunjukkan seramai 219 orang murid dari sekolah Westview Middle, 237 orang murid dari sekolah Riverview Middle dan 203 orang murid dari sekolah Eastview Middle. Bilangan murid lelaki seramai 344 dan murid perempuan seramai 315 orang. Penglibatan dalam kajian ini merangkumi tingkah laku, emosi dan kognitif. Sebanyak lapan item telah digunakan untuk mengukur penglibatan tingkah laku, 10 item untuk penglibatan emosi dan 14 item untuk keterlibatan kognitif. Persepsi murid terhadap penglibatan adalah berdasarkan jawapan mereka dalam soal selidik tersebut. Purata nilai gred untuk semua murid telah dibuat dengan mengambil kira purata gred dalam mata pelajaran Matematik, Seni Bahasa, Sains, Kajian Sosial dan Bacaan.

Analisis kajian menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi untuk menjawab soalan kajian ini. Keputusan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara penglibatan akademik dan purata nilai gred. Ini menjadikan penglibatan tingkah laku murid di sekolah seperti melakukan kerja sekolah mereka, mengambil bahagian dalam perbincangan kelas akan mencapai pencapaian yang lebih baik. Kajian mendapati terdapat hubungan yang kuat antara penglibatan tingkah laku dan purata nilai gred. Dalam kata yang lain, murid yang merasa selamat semasa berada di sekolah dan menyatakan perasaan gembira datang ke sekolah lebih cenderung untuk memperoleh pencapaian cemerlang.

Kajian yang dijalankan oleh Fallon (2010) bertujuan untuk mengkaji hubungan antara penglibatan murid dengan pencapaian akademik di enam Sekolah Tinggi Latino. Kajian ini dilakukan terhadap 150 orang murid yang terdiri daripada 70 lelaki dan 80 orang murid perempuan. Penglibatan dalam kajian ini merujuk kepada penglibatan tingkah laku dan penglibatan afektif. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif dan kuat antara penglibatan afektif dengan pencapaian akademik. Dapatan ini mencadangkan penglibatan di sekolah seperti mematuhi peraturan dapat menggalakkan pencapaian

akademik. Selain itu, terdapat juga hubungan signifikan yang positif tetapi tidak kuat antara penglibatan tingkah laku dengan pencapaian akademik. Secara keseluruhan, terdapat hubungan signifikan yang positif antara penglibatan dengan pencapaian akademik. Ini bermakna murid yang terlibat secara aktif menunjukkan pencapaian akademik yang tinggi.

Wang dan Halcombe (2010) mengkaji hubungan antara persepsi pelajar sekolah menengah terhadap persekitaran sekolah, penglibatan, dan pencapaian akademik. Kajian ini melibatkan 1046 orang murid dari 23 buah sekolah kerajaan di United States. Penglibatan murid dalam kajian ini terbahagi kepada tiga dimensi, iaitu tingkah laku, emosi dan kognitif. Pencapaian murid berdasarkan pencapaian gred dalam mata pelajaran English, Matematik, Sains dan Sains Sosial. Kajian ini mendapati terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara ketiga-tiga dimensi penglibatan dengan pencapaian murid. Ini bermakna murid yang mempunyai penglibatan yang tinggi akan memperoleh gred yang tinggi di sekolah.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah melibatkan murid tingkatan lima di semua sekolah menengah akademik harian di negeri Melaka pada tahun 2011. Mengikut statistik jumlah murid tingkatan lima yang mengambil mata pelajaran katering ialah seramai 171 orang ($n=171$). Bagaimanapun seramai 119 orang murid telah dijadikan responden yang dipilih menggunakan persampelan kelompok. Kajian ini dikelaskan sebagai kajian korelasi deskriptif yang berasaskan kaedah tinjauan. Menurut Mohd majid Konting (2009) reka bentuk suatu penyelidikan adalah teknik dan kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Statistik deskriptif telah digunakan kerana ia membolehkan dapatan kajian dibentangkan dalam bentuk yang lebih ringkas, jelas dan mudah dianalisis.

Kajian korelasi pula mengkaji perkaitan antara dua pemboleh ubah yang wujud dalam sesuatu masalah. Menurut Sulaiman Ngah Razali (2002) kajian korelasi merupakan salah satu cara yang boleh digunakan untuk menerangkan perhubungan antara dua pemboleh ubah. Dalam kajian ini, ujian korelasi spearman (r) digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara penglibatan dengan pencapaian murid dalam bidang katering. Selain itu ujian regresi berganda juga digunakan untuk melihat faktor peramal kepada pencapaian murid dalam bidang ini.

Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mengumpul data kuantitatif murid di tujuh buah sekolah menengah akademik harian di Melaka. Soal selidik ini ditadbir sendiri oleh penyelidik dengan mengedarkan borang soal selidik kepada semua responden kajian yang terlibat. Soal selidik tersebut mengandungi 62 item yang mengukur tiga dimensi penglibatan iaitu tingkah laku, emosi dan kognitif. Daripada 62 item tersebut, terdapat 17 item untuk dimensi penglibatan tingkah laku, 20 item untuk emosi dan 25 item untuk kognitif. Soal selidik ini berkait dengan penglibatan murid semasa berada di dalam bilik darjah atau semasa amali. Setiap soalan mengandungi lima peringkat skala pilihan yang menggunakan skala Likert lima mata dari julat 1 hingga julat 5. Responden perlu memilih dan menandakan jawapan pilihan yang sesuai berdasarkan tahap persetujuan yang diberikan.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dihuraikan seperti persoalan kajian berikut:

Persoalan kajian 1

Jadual 1 menunjukkan analisis skor min bagi keseluruhan penglibatan murid adalah 4.13 (SP=0.37) iaitu berada pada tahap tinggi. Analisis diperincikan lagi dengan penglibatan tingkah laku, emosi dan kognitif. Skor min bagi penglibatan tingkah laku adalah 3.47 (SP=0.47) iaitu berada pada tahap sederhana. Manakala penglibatan emosi (min=4.09, SP=0.40) dan kognitif (min=4.30, SP=0.42) berada pada tahap tinggi.

Jadual 1: Tahap Penglibatan Murid

Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Tingkah laku	3.47	0.47	Sederhana
Emosi	4.09	0.40	Tinggi
Kognitif	4.30	0.42	Tinggi
Keseluruhan penglibatan	4.13	0.37	Tinggi

Persoalan kajian 2

Jadual 2 menunjukkan taburan gred pencapaian murid katering dalam peperiksaan SPM 2011. Bidang katering ini merujuk kepada murid yang mengambil mata pelajaran Katering dan Penyajian. Julat skor tertinggi yang diperoleh responden ialah antara 80 – 89 dan yang paling rendah ialah 50 – 59. Pembahagian gred dan prestasi bagi peperiksaan ini berdasarkan Gred Markah Peperiksaan SPM tahun 2011 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). Gred pencapaian murid ini dibahagikan kepada empat peringkat, iaitu cemerlang, kepujian, lulus dan gagal.

Gred yang terkandung dalam prestasi cemerlang ialah gred A+, A dan A-. Hanya 32.8% murid lulus dengan cemerlang. Bagi prestasi kepujian pula seramai 67.2% murid lulus dengan kepujian dengan memperoleh gred B+, B, C+ dan C. Ini menunjukkan murid yang mendapat kepujian lebih tinggi berbanding dengan murid cemerlang. Hasil dari peperiksaan ini menunjukkan pencapaian murid secara purata adalah dalam prestasi kepujian. Bagaimanapun, terdapat 57.1% murid yang mendapat gred A- dan B+.

Jadual 2: Taburan Gred Pencapaian Peperiksaan SPM 2011 bagi Bidang Katering

Gred	Prestasi	f	Peratus (%)
A+		0	0
A	Cemerlang (32.8%)	7	5.9
A-		32	26.9
B+		36	30.2
B	Kepujian (67.2%)	21	17.6
C+		14	11.8
C		9	7.6
D	Lulus (0%)	0	0
E	Lulus (0%)	0	0
Jumlah Keseluruhan		119	100.0

Nota: Min Gred= 3.32 SP=0.52

Persoalan kajian 3

Korelasi *Pearson* (r) digunakan untuk menerangkan hubungan antara dua pemboleh ubah dapatan kajian ini. Jadual 3 menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif dan sederhana antara pemboleh ubah penglibatan dengan pencapaian murid dalam bidang katering ($r=.34, p\leq 0.05$). Hubungan yang sederhana ini menunjukkan bahawa lebih tinggi penglibatan murid, maka lebih baik pencapaian dalam bidang katering. Di samping itu, penyelidik juga telah mengenal pasti hubungan penglibatan secara terperinci dari dimensi tingkah laku, emosi dan kognitif dengan pencapaian murid dalam bidang katering.

Dapatan kajian menunjukkan, dimensi tingkah laku ($r=.24, p\leq 0.05$), emosi ($r=.34, p\leq 0.05$) dan kognitif ($r=.30, p\leq 0.05$) mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian murid dalam bidang katering. Aras hubungan antara penglibatan tingkah laku adalah positif tetapi rendah, manakala penglibatan emosi dan kognitif adalah positif dan sederhana. Ini bermakna dimensi kognitif dan tingkah laku berkait secara terus dengan pencapaian dan begitulah sebaliknya.

Jadual 3: Hubungan antara Penglibatan dengan Pencapaian Murid dalam Bidang Katering

Pemboleh ubah	Dimensi	Pekali, r	P
Penglibatan	Keseluruhan	.34**	.00
	Tingkah laku	.24**	.00
	Emosi	.34**	.00
	Kognitif	.30**	.00

**signifikan pada aras $P \leq 0.05$; $n=119$

Persoalan kajian 4

Jadual 4 menunjukkan rumusan model yang diperolehi dari analisis regresi berganda. Terdapat bukti-bukti yang kukuh untuk membuat kesimpulan bahawa dimensi penglibatan tingkah laku, emosi dan kognitif merupakan faktor peramal terhadap pencapaian akademik murid. Dengan merujuk kepada Model 1, nilai R (*Multiple Correlation Coefficient*) yang diperolehi ialah .290. Ini menunjukkan kekuatan hubungan antara dimensi penglibatan tingkah laku, emosi dan kognitif dengan pencapaian murid. Bagaimana pun, nilai yang harus diberi perhatian ialah R squared (R^2) yang menggambarkan *Coefficient of Determination*. Dalam model 1 ini nilai R^2 yang diperolehi ialah .084 atau 8.4%. Ini menunjukkan dimensi penglibatan tingkah laku, emosi dan kognitif (pemboleh ubah tak bersandar) dapat menerangkan sebanyak 8.4% daripada varians yang wujud dalam pencapaian akademik (pemboleh ubah bersandar).

Jadual 4: Rumusan Model (Model Summary)

Model	R	R^2	Adjusted R^2	Std. Error of the Estimate
1	.290 ^a	.084	.060	.45690

^a Peramal: (Constant), Kognitif, Tingkah laku, Emosi

Jadual 5 menunjukkan magnitud standardized coefficients (Beta), kognitif ($\beta=.238$) merupakan peramal yang lebih baik terhadap pencapaian akademik murid berbanding dengan dimensi penglibatan tingkah laku ($\beta=.186$) dan emosi ($\beta=.136$). Nilai Beta ini menggambarkan kekuatan dimensi penglibatan kognitif dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid. Nilai .238 menggambarkan perubahan satu standard deviation bagi nilai peratus dimensi penglibatan kognitif yang akan menyebabkan perubahan sebanyak .238 bagi nilai pencapaian akademik murid. Nilai ini adalah kecil untuk mempengaruhi nilai pencapaian akademik murid, namun boleh dipertimbangkan. kesimpulan ini dibuat pada tahap signifikan, $\alpha=.05$ (5%) atau tahap keyakinan (95%).

Jadual 5: Nilai Beta

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	2.243	.476		4.713	.000
	Kognitif	2.67	.149	.238	1.788	.076
	Tingkah laku	-.204	.125	-.186	-1.633	.105
	Emosi	.162	.178	.136	.912	.363

Pemboleh ubah Bersandar: Pencapaian Akademik

5.0 PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati murid melaporkan tahap penglibatan mereka adalah tinggi. Ini kerana mereka melibatkan diri dengan rakan-rakan, guru dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah atau semasa amali. Analisis berdasarkan soal selidik mendapati murid kerap menjalankan amali dengan bersungguh-sungguh dan berusaha untuk mendapatkan sesuatu kemahiran. Murid juga mendengar penerangan dan memberi perhatian penuh semasa guru mengajar. Selain itu, majoriti murid akan hadir ke kelas amali dan tidak mengganggu rakan yang lain semasa berada di dalam bilik darjah atau amali. Dapatan kajian ini selari dengan Finn dan Rock (1997) yang menyatakan murid menunjukkan tahap penglibatan yang tinggi apabila mereka berkelakuan positif seperti mengikut peraturan di dalam kelas dan tidak menimbulkan gangguan semasa belajar. Selain itu, dapatan kajian Fredricks *et.al.* (2004) mendapati guru yang mewujudkan suasana pembelajaran yang mencabar dan memberi penekanan kepada pemahaman murid seperti kandungan pembelajaran boleh meningkatkan penglibatan murid. Selain itu, hubungan yang baik antara kawan dan guru juga boleh meningkatkan penglibatan murid. Dapatan kajian ini menyokong Furrer dan Skinner (2003) yang mengaitkan tahap penglibatan murid dengan hubungan yang wujud dengan guru. Semakin baik hubungan seseorang murid dengan guru, semakin tinggi tahap penglibatan murid di dalam bilik darjah. Marks (2000) pula mengaitkan persekitaran bilik darjah yang menarik, murid mendapat sokongan daripada rakan-rakan dan guru merupakan faktor untuk melibatkan diri semasa berada di dalam bilik darjah.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif dan sederhana antara penglibatan murid dengan pencapaian dalam bidang katering. Penglibatan murid antaranya seperti murid menyiapkan tugas seperti folio atau kerja rumah yang diberikan oleh guru, murid suka bidang katering dan juga murid perlu mendapat keputusan yang baik dalam bidang katering untuk membolehkan

mereka mendapat pekerjaan yang berkaitan. Hubungan yang positif ini menunjukkan semakin tinggi penglibatan murid, semakin meningkat pencapaian mereka. Dapatan kajian ini menyokong Sbrocco (2009) dan Fredricks *et.al.* (2004) yang mendapati terdapat hubungan signifikan yang positif antara penglibatan murid dengan pencapaian akademik. Begitu juga dengan Abdul Manaf Mohd Elias (2007) yang menyatakan kurangnya penglibatan dalam amali atau aktiviti pembelajaran boleh memberi kesan kepada pencapaian murid. Selain itu kajian oleh Zaiton Daud (2005) juga mendapati murid yang pasif semasa melakukan amali mempunyai tahap pencapaian yang rendah.

Pencapaian murid katering dalam peperiksaan SPM 2011 mendapati 32.8% murid mendapat prestasi cemerlang dengan gred A dan gred A-. Bilangan ini adalah sedikit iaitu 39 murid sahaja daripada jumlah keseluruhan murid yang mengambil peperiksaan ini, iaitu seramai 119 orang. Sebanyak 67.2% murid berada pada prestasi kemudian, manakala tidak terdapat murid yang gagal dalam mata pelajaran ini. Min skor adalah 3.32 dan gred yang diperoleh murid berada pada prestasi kepujian. Kesimpulannya, ini adalah satu purata gred yang sederhana bagi pencapaian murid.

Hasil analisis juga menunjukkan bahawa dimensi penglibatan kognitif merupakan peramal utama kepada pencapaian akademik, walau pun nilai tersebut adalah rendah tetapi dapat membuktikan bahawa ia berperanan dalam menentukan kejayaan seseorang dalam akademiknya. Ini bermakna, lebih tinggi nilai dimensi penglibatan kognitif murid, lebih baik pencapaian akademik mereka. Ini dapat dibuktikan oleh (Miller, Greene, Montalvo, Ravindran & Nichols, 1996) dimana dalam kajian beliau, penglibatan kognitif menunjukkan peramal terhadap pencapaian. Namun, kajian oleh Ladd dan Dinella (2009) mendapati penglibatan kognitif merupakan peramal yang kuat terhadap pencapaian akademik murid. Bagaimanapun, faktor-faktor lain yang juga boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar harus difikirkan.

6.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini telah mengenal pasti tahap penglibatan murid dan hubungan antara penglibatan murid dengan pencapaian dalam bidang katering. Dapatan kajian mendapati tahap penglibatan murid berada pada tahap yang tinggi dan mempunyai hubungan signifikan yang positif dan sederhana dengan pencapaian murid dalam bidang katering. Ini menunjukkan pemboleh ubah penglibatan penting dan perlu diberi

perhatian semasa menjalankan amali atau aktiviti di dalam bilik darjah. Oleh itu, bagi mengekalkan tahap penglibatan ini, dicadangkan agar guru dapat menyediakan bilik darjah yang dapat menarik minat murid melibatkan diri dan merasakan bidang katering ini sesuatu yang menyeronokkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Guru juga perlu memberi fokus kepada kelas amali dan mesti mengikut jadual amali. Antara usaha yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah dan guru dengan memberi pendedahan dan penerangan berkaitan amali dengan peperiksaan. Guru mesti sedar bahawa ketiga-tiga dimensi penglibatan penting dalam kelas amali atau semasa di bilik darjah. Oleh itu, pemantauan guru penting dalam melihat ketiga-tiga dimensi keterlibatan ini.

Bukan itu sahaja, malah analisis regresi berganda menunjukkan dimensi penglibatan kognitif merupakan peramal utama selain tingkah laku dan emosi kepada pencapaian akademik murid. Oleh itu, murid berada dalam suasana pembelajaran yang betul kerana menerapkan ketiga-tiga dimensi penglibatan tersebut. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa penglibatan murid adalah salah satu faktor yang berperanan dalam menentukan tahap pencapaian murid. Beberapa kajian ilmiah yang lain diperlukan untuk mengesahkan dapatan kajain ini diperingkat populasi yang lebih meluas.

RUJUKAN

- Abdul Manaf Mohd Elias (2007). *"Forensik" Terhadap Proses Pembelajaran dan Faktor-faktor yang Memberi Impak Terhadap Prestasi Akademik di kalangan Pelajar-pelajar Aliran Teknikal di Sekolah-sekolah Menengah Teknik di Negeri Johor*. Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.
- Anderson, A. R., Christenson, S. L., Sinclair, M. F., & Lehr, C. A. (2004). Check & Connect: The importance of relationships for promoting engagement with school. *Journal of School Psychology*, 42: 95-113.
- Astin, A. W. (1999). Student involvement: A developmental theory for higher education. *Journal of College Student Development*, 40(5): 518-29.
- Birch, S. H., & Ladd, G. W. (1997). The teacher-child relationship and children's early school adjustment. *Journal of School Psychology*, 35: 61-79.
- Burris, S., Bednarz, A., & Frazee, S. (2008). Investigating student achievement in mathematics: The effect of an integrated agriculture and mathematics curriculum. Texas Tech University. From the *Proceedings of the 2008 Western Region AAAE Research Conference*, Vol. 27.

- Chapman, E. (2003). *Alternative approaches to assessing student engagement rates. Practical Assessment, Research & Evaluation*. 8(13). Diakses daripada <http://ericae.net/pare/getvn.asp?v+8&n=13> .
- Dehyadegary, E. (2012). *Relationship between maternal factors, individual characteristics, and academic achievement among adolescents in Sirjan-Iran*. Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Diamond, M. (2007). *Vocational Students' Engagement and Career Objectives: Assesment og Engagement Processes in New Vicational Students*. Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan. University of Pittsburgh.
- Fallon, C.M. (2010). *School factors that promote academic resilience in urban Latino high school students*. Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan. Layola University of Chicago, America.
- Finn, J. D., & Pannozzo, G. M., & Voelkl, K. E. (1995). Disruptive and inattentive withdrawn behavior and achievement among fourth graders. *Elementary School Journal*, 95: 421-454.
- Finn, J. D., & Rock, D. A. (1997). Academic success among students at risk for school failure. *Journal of Applied Psychology*, 82: 221-234.
- Finn, J.D., & Voelkl, K. E. (1993). School characteristics related to student engagement. *Journal of Negro Education*. 62 (2): 249-268.
- Fredricks, J. A., Blumenfeld, P. C., & Paris, A. H. (2004). School engagement: Potential of the concept, state of the evidence. *Review of Educational Research*, 74(1): 59-109.
- Furlong, M.J., Whipple, A. D., St. Jean, G., Simental, J., Soliz, A., & Puntana, S. (2003). Multiple contexts of school engagement: Moving toward a unifying framework for educational research and practice. *The California School Psychologist*. 8: 99-113.
- Furrer, C., & Skinner, E. A. (2003). Sense of relatedness as a factor in children's academic engagement and performance, *Journal of Educational Psychology*, 95: 148-162.
- Harris, L.R. (2008). A phenomenographic investigation of teacher conceptions of student engagement in learning. *The Australian Educational Researcher*. 5(1): 57-79.
- Hu, Y. L., Ching, G. S., & Chao, P. C. (2012). Taiwan student engagement model: Conceptual framework and overview of psychometric properties. *International Journal of Research Studies in Education*. 1(1): 69-90.
- Hughes, J.N., & Luo, W., & Kwok, Q., & Loyd, L.K. (2008). Teacher-student support, effortful engagement, and achievement: A 3-year longitudinal study. *Journal of Educational Psychology*. 100: 1-14.

- Kindermann, T.A. (2007). Effects of naturally existing peer groups on changes in academic engagement in a cohort of sixth graders. *Child Development*, 78: 1186-1203.
- Kuh, G. D. (2009). *The national survey of student engagement: conceptual and empirical foundations*. New Directions for Institutional Research, 2009, no. 141, 5-20. doi: 10.1002/ir.283. Diakses daripada http://iptest.tru.ca/_shared/assets/NSSE_Conceptual_and_Empirical_Foundations_Kuht23614.pdf
- Ladd, G. W., and Dinella, L. M. (2009). Continuity and change in early school engagement: Predictive of children's achievement trajectories from first to eighth grade? *Journal of Educational Psychology*, 101(1): 190-206.
- Marks, H. M. (2000). Student engagement in instructional activity: Patterns in the elementary, middle, and high school years. *American Educational Research Journal*, 37(1): 153-184.
- Meunier, R.A., Talbert, B. A., & Latour, M.A. (2002). Evaluation of The Incubators in The Classroom Program: Does it Increase Fourth Grade Students' Knowledge of Agricultural-Related Science Concepts?. *Journal of Agricultural Education*. 43 (2): 49-60.
- Miller, R. B., Greene, B. A., Montalvo, G. P., Ravindran, B., and Nichols, J. D. (1996). Engagement in academic work: The role of learning goals, future consequences, pleasing others, and perceived ability. *Contemporary Educational Psychology*, 21: 388-422.
- Mo, Y. (2008). *Opportunity to learn, engagement, and science achievement: evidence form TIMSS 2003 Data*. Tesis Kedokteran yang tidak diterbitkan. Faculty of The Virginia Polytechnic Institute and State University.
- Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- National Center for School Engagement (2006). *Quantifying school engagement. Research Report: Colorado Foundation for Families and Children*, Denver, CO.
- Newcomb, L. H., McCracken, J. D & Warmbrod, J. R. (2004). *Methods of teaching agriculture*. Prentice Hall PTR.
- Ogbu, J. (2003). *Black American students in an affluent suburb: A study of academic disengagement*. Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Parson, J., & Taylor, L. (2001). *Student engagement: What do we know and what should we do?* University of Alberta: University Partners.
- Schreiber, J.B., & Chambers, E.A. (2002). "After-School Pursuits, Ethnicity, and Achievement for 8th and 10th-Grade Students". *Journal of Educational Research*. 96:90-100.

- Sciarra, D.T., & Seirup, H.J. (2008). The multidimensional of school engagement and math achievement among racial groups. *Professional School Counseling*, 11(4): 218-228.
- Sbrocco, R. (2009). *Student academic engagement and the academic achievement gap between black and white middle school students*. Tesis Kedokteran yang tidak diterbitkan. University of Minnesota.
- Stewart, E. B. (2007). School structural characteristics, student effort, peer associations, and parental involvement. *Journal of education and urban society*, 40(2): 179-204.
- Stipek, D. (2002). *Good instruction is motivating*. In A. Wigfield & J. Eccles (Eds.), *Development of achievement motivation*. San diego, CA: Academic Press.
- Wang, M.T., & Holcombe, R. (2010). Adolescents' Perceptions of School Environment, Engagement, and Academic Achievement in Middle School. *Journal of American educational research*. 147 (3): 633-662.
- Willms, J.D. (2003). Student Engagement at School: A Sense of Belonging and Participation. Results from PISA 2000. Paris: Organization for Economic Co-operation and Development (OECD).
- Yip, M. C. W. (2007). Differences in learning and study strategies between high and low achieving university students: A Hong Kong study. *Educational Psychology*. 25 (5): 597-606.
- Zaiton Daud. (2005). *Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kerja Amali dan Hubungannya Dengan Tahap Pencapaian Dalam Menyelesaikan Masalah Fizik*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Koleksi Elektronik Pusat Sumber. Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.

